



Headline: Terpedaya dengan 'pegawai Kastam'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 31 March 2019

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 17

Terpedaya dengan 'pegawai Kastam'

KUANTAN-Seorang bapa berputih mata apabila wang RM8,000 lesap selepas diperdaya sindiket macau scam.

Dalam kejadian itu mangsa dihubungi oleh seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai Kastam telah menahan anaknya kerana kononnya terlibat dalam penyeludupan rokok.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata tindakan tersebut dilakukan oleh mangsa disebabkan mahu melepaskan anaknya yang ditahan Kastam berkaitan kes penyeludu-



MOHD WAZIR

pan rokok pada Isnin lalu. Menurutnya, insiden bermula selepas rakannya memperkenalkan dengan seorang lelaki yang dikenali sebagai Faris yang mempunyai orang dalam di Kastam yang mampu membebaskan anaknya.

"Faris telah meminta

RM8000 sebagai jaminan membebaskan anak mangsa meminta RM4,000 di sebuah kedai makan pada Selasa lalu.

"Keesokan harinya, menyerahkan baki wang tunai berjumlah RM4000 kepada Faris di pejabat Kastam,"katanya, semalam.

Wazir berkata, setelah wang diberikan, mangsa yang merupakan seorang pesara diminta menunggu kerana proses mengeluarkan anak akan mengambil masa selama setengah jam.

Namun, selepas tempoh itu, suspek menghilangkan diri dan gagal dihubungi,"katanya.